



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SABAK BERNAM**

**ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR
TAHUN 2025**

TAJUK INOVASI :

**-SMILE-
*SABAK MAPPING (INTEGRATED) FOR LAND ENFORCEMENT***

**KUMPULAN :
IQ TOCHI**



BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

Pengenalan Jabatan; Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB)

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) merupakan sebuah jabatan kerajaan di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang menerajui pentadbiran tanah dan pengurusan daerah bagi Daerah Sabak Bernam . PDTSB mempunyai tiga (3) bahagian iaitu Khidmat Pengurusan, Pengurusan Tanah dan Pembangunan. Bahagian Pengurusan Tanah khasnya terbahagi kepada lima (5) unit iaitu Pelupusan, Pembangunan, Pendaftaran, Penguatkuasaan dan Hasil.

Tanah pertanian mencatatkan kategori guna tanah yang tertinggi di Daerah Sabak Bernam bagi tahun 2025 iaitu sebanyak 46%. Kelapa sawit dan padi merupakan tanaman yang banyak diusahakan dengan masing-masing mencatatkan keluasan sebanyak 17,568.89 hektar dan 13,424.41 hektar berbanding tanaman lain. Manakala, kategori guna tanah kedua tertinggi yang dicatatkan ialah kemudahan pengangkutan dan jalan dengan keluasan sebanyak 5,216.29 hektar (5.129%). Secara rumusan, maklumat guna tanah di Daerah Sabak Bernam mengikut kategori adalah seperti jadual di bawah:

BIL.	KATEGORI GUNA TANAH	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
1.	Kediaman	2,528.34	2.49
2.	Perniagaan dan Perkhidmatan	107.05	0.10
3.	Perindustrian	136.51	0.13
4.	Kemudahan Masyarakat	756.49	0.74
5.	Kawasan Hijau	954.78	0.93
6.	Infrastruktur dan Utiliti	19.59	0.02
7.	Pertanian	46,820.81	46.34
8.	Hutan	40,863.59	40.18
9.	Sungai	1,038.24	1.02
10.	Pantai	2,639.65	2.59
11.	Kemudahan Pengangkutan dan Jalan	5216.29	5.21
	JUMLAH	101,700.00	100.00

Visi PDTSB

Pemacu Pembangunan Daerah Sejahtera Selangor

Misi PDTSB

Memperkasakan Pengurusan Tanah Dan Mempertingkatkan Pembangunan Inklusif Melalui Tranformasi Urus Tadbir Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat

Objektif PDTSB

- Mengurus dan mentadbir sistem Pengurusan Tanah berdasarkan Kanun Tanah Negara dan lain-lain undang-undang yang berkaitan secara berkesan.
- Menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan pembangunan masyarakat luar bandar secara berkesan.
- Memastikan penyelarasan yang maksimum dalam tindakan antara Jabatan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun.
- Memberikan perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti. Meningkatkan pembangunan fizikal dan keharmonian masyarakat.
- Meningkatkan kutipan hasil dan cukai.

BAHAGIAN 2: PENERANGAN HASIL INOVASI

2.1. PROJEK INOVASI PDTSB; SMILE

Projek inovasi PDTSB berkonsepkan sistem digital yang dinamakan sebagai SMILE; *Sabak Mapping (Integrated) Land Enforcement*. Maklumat yang interaktif dipersembahkan secara eksklusif menggunakan *Google Earth* bagi memaparkan lokasi tanah yang terlibat dalam projek ini. Kaedah tandaan dan pemetaan (*plotting and mapping*) diaplikasikan dalam sistem ini.

Sistem ini memaparkan maklumat tanah pertanian yang diusahakan selain aktiviti pertanian di bawah Pekeliling PTGS 4/2020 : Permit Khas Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Tujuan Pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) Di Negeri Selangor yang merangkumi lima (5) kategori iaitu nurseri, kedai kenderaan terpakai, menara telekomunikasi, inap desa (*homestay*) dan kedai makan.

2.2 FUNGSI SMILE

Sistem SMILE dibangunkan secara digital terhadap data bagi memudahkan proses pengumpulan dan pengemaskinian maklumat serta pemantauan penguatkuasaan pelanggaran syarat tanah pertanian. Data yang terlibat dalam projek ini merupakan maklumat tanah kategori pertanian yang diusahakan selain daripada tujuan pertanian.

Hal ini berdasarkan arahan daripada pihak Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) untuk menyediakan inventori dan membuat hebahan berkenaan Pekeliling PTGS 4/2020 : Permit Khas Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Tujuan Pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) Di Negeri Selangor.

Selaras dengan Pekeliling PTGS 4/2020; PDTSB mengambil inisiatif secara bersepadu antara Unit Penguatkuasaan dan Pembangunan Tanah bagi mengumpul maklumat tanah pertanian yang diusahakan selain tujuan pertanian. Maklumat ini seterusnya digunakan sebagai rujukan agensi yang berkaitan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan.

PDTSB melalui Unit Penguatkuasaan telah mula mengumpulkan maklumat pada tahun 2023 atas arahan PTGS di bawah Pekeliling PTGS 4/2020. Seterusnya maklumat ini diserahkan kepada Unit Pembangunan Tanah untuk dimasukkan dalam senarai pemantauan bagi urusan memproses permohonan Permit Khas.

Permit Khas ini mempunyai syarat / kriteria yang perlu dipatuhi bagi melayakkan kelulusan diperolehi daripada Pentadbir Tanah. Sebanyak 22 aktiviti disenaraikan dalam Permit Khas ini. Antaranya menara telekomunikasi, nurseri dan inap desa. Bagi aktiviti yang diusahakan selain daripada 22 aktiviti tersebut, kelulusan diperolehi daripada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES). Pemilik tanah yang tidak mematuhi syarat Permit Khas akan diminta untuk membuat permohonan tukar syarat atau tindakan penguatkuasaan akan dikenakan mengikut Kanun Tanah Negara.

PDTSB mengambil perhatian terhadap aktiviti yang diusahakan selain pertanian di atas tanah pertanian kerana masa kini terdapat banyak kes pelanggaran syarat antaranya mengusahakan perniagaan *homestay*, bengkel kenderaan, telekomunikasi dan lain-lain. Tambahan lagi, Daerah Sabak Bernam mempunyai keluasan tanah pertanian yang tinggi iaitu sebanyak 46%. Sehubungan itu, tanah pertanian seharusnya dikawal penggunaan tanah itu daripada diusahakan selain aktiviti pertanian bagi mengekalkan keluasan dan pematuhan terhadap syarat nyata yang dicatatkan dalam suratan hak milik.

Inisiatif pembangunan SMILE ini selaras dengan agenda kerajaan yang berikut:

- i. Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) 2024 - 2028: Teras 3 (Bahagian Khidmat Pengurusan), Strategi 3 – Pembudayaan Inovasi, Pendigitalan Dan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam perkhidmatan
- ii. Rancangan Selangor 1 (RS1): Tema Strategik 4 - tadbir urus S.M.A.R.T. dan berkesan; dalam bidang tumpuan transformasi teknologi di bawah Strategi 11 iaitu meningkatkan kesedaran, kecekapan dan akses saksama untuk perkhidmatan digital Kerajaan Negeri.

iii. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 (PSPSA):

- a. Teras Strategik 1 - pemanfaatan kepintaran data dalam memperkuat pengurusan dan penyelarasan data di peringkat nasional dan sektor awam. Ia juga dapat melonjakkan perancangan, pembangunan dasar dan keputusan berasaskan kepintaran data.
- b. Teras Strategik 2 - peneraju perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi merentasi sektor awam, swasta, industri dan rakyat. Selain itu, ia juga dapat menggalakkan dan menerapkan penggunaan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies) bagi menghasilkan aplikasi pintar dan berimpak tinggi.
- c. Teras Strategik 3 - tadbir urus tuntas dan tangkas demi memantapkan, menggerakkan dan mengkoordinasikan tadbir urus pendigitalan yang menyeluruh serta memantapkan pengurusan dan kefungisian organisasi digital sektor awam yang tangkas.

2.3 PENGGUNA SMILE

Sistem ini menyasarkan penggunaannya kepada agensi yang terlibat dalam perancangan pembangunan daerah mengikut peranan agensi tersebut iaitu:

BIL.	AGENSI	PERANAN
i.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	Melaksanakan proses permohonan Permit Khas dan pemantauan pelanggaran syarat nyata tanah (Pegawai di Unit Pembangunan Tanah dan Penguatkuasaan).
ii.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Pemantauan terhadap lesen perniagaan.
iii.	Jabatan Pertanian Daerah Sabak Bernam	Pemantauan terhadap penggunaan tanah pertanian.

iv.	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut	Pemantauan terhadap keluasan dan penggunaan tanah padi.
v.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sabak Bernam	Pemantauan pembangunan di atas rizab sungai / parit.
vi.	Jabatan Kerja Raya Daerah Sabak Bernam	Pemantauan pembangunan di atas rizab jalan.

2.4. OPERASI PENGGUNAAN SMILE

Sistem SMILE ini akan digunakan untuk mengenalpasti tanah hak milik yang:

- i. Terlibat dengan pelanggaran syarat nyata tanah
- ii. Belum mengemukakan permohonan Permit Khas
- iii. Dalam tindakan proses permohonan dan kelulusan
- iv. Telah mendapat kelulusan Permit Khas
- v. Perlu memperbaharui Permit Khas

2.5 PENGGUNAAN SMILE UNTUK DAERAH SABAK BERNAM

Sistem SMILE ini merangkumi maklumat tanah di Daerah Sabak Bernam yang menjalankan aktiviti selain pertanian iaitu dalam kategori perniagaan dan perindustrian ringan di atas tanah pertanian.

2.6 PELAKSANAAN SISTEM SMILE

Sabak Mapping (Integrated) For Land Enforcement (SMILE) dibangunkan sebagai pengkalan data bagi mengumpulkan maklumat tanah pertanian yang diusahakan dengan aktiviti selain pertanian antaranya nurseri, papan iklan dan gudang mengikut Pekeliling PTGS 4/2020; Permit Khas Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Tujuan Pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) Di Negeri Selangor .

Maklumat ini seterusnya akan diplotkan menggunakan aplikasi "*google earth*". Sistem SMILE adalah satu sistem berasaskan web yang akan berfungsi sebagai enjin carian untuk setiap data tersebut. Terdapat lima (5) kategori aktiviti selain pertanian dalam sistem ini iaitu nurseri, kedai makan, kenderaan terpakai, inap desa dan menara telekomunikasi. Seterusnya carian dapat dibuat mengikut mukim. Laman web ini dibangunkan untuk memberi kemudahan penyampaian perkhidmatan kepada PDTSB khususnya dan agensi luar yang berkaitan iaitu JKR, MDSB, JPS, IADA dan Jabatan Pertanian.

TARIKH INOVASI DIHASILKAN

Perincian tarikh inovasi dihasilkan adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	24 Julai 2024 (Mesyuarat Pengurusan Bil. 3 Tahun 2024)	Pelantikan Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Tanah) mengetuai Kumpulan Inovasi dan Kreatif bagi sesi 2025-2026.
2.	26 September 2024 (Mesyuarat Pengurusan Bil. 4/2024)	Pembentangan konsep - pernyataan masalah bagi pembangunan projek inovasi – Sistem SMILE.
3.	8 Oktober 2024	Penubuhan kumpulan menerusi surat lantikan daripada Pegawai Daerah
4.	17 Oktober 2024	Pengumpulan maklumat: i. Data bancian ii. Maklumat Permohonan Permit Khas iii. Pemilihan platform dan perisian (<i>software</i>).
5.	1 hingga 30 November 2024	Kemasukan data

6.	1 hingga 31 Disember 2024	Pemurnian data
7.	13 dan 14 Januari 2025	Uji cuba prototaip sistem SMILE kali pertama
8.	8 Februari 2025 (Bengkel Sasaran Kerja Utama)	Pembentangan prototaip sistem SMILE
9.	11 Februari 2025	Uji cuba prototaip sistem SMILE kali kedua.
10.	13 Mac 2025	Uji cuba prototaip sistem SMILE kali ketiga.
11.	26 Mac 2025	Sistem SMILE secara rasmi digunakan (<i>go live</i>)
12.	8 April 2025	Sesi pembentangan projek SMILE kepada agensi berkaitan.

TUJUAN PEMBANGUNAN SISTEM SMILE

- Mengumpulkan semua maklumat berkenaan syarat tanah pertanian yang telah dibangunkan dengan aktiviti selain pertanian iaitu sama ada perniagaan atau industri ringan dalam satu portal atau platform.
- Mempercepatkan kaedah untuk mengenalpasti perlanggaran syarat tanah menerusi pemetaan semua lokasi tanah yang telah diusahakan dengan aktiviti perniagaan atau industri ringan.
- Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PDTSB dengan memberi kemudahan capaian maklumat secara terus dan lengkap kepada pemegang taruh (*stakeholder*) secara atas talian.

Proses Pelaksanaan Inovasi

Pembangunan sistem ini melalui penggunaan aplikasi berikut yang dilaksanakan secara dalaman (*in-house*):

BIL	APLIKASI	FUNGSI
1.	<i>Google Earth</i>	Berfungsi sebagai sistem untuk merekodkan dan memetakan lokasi tanah pertanian yang digunakan selain tujuan pertanian (perniagaan atau industri ringan)
2.	<i>Website.com</i>	Sebagai (web based/ tapak/ <i>platform</i>) yang digunakan untuk membangunkan sistem bagi penyimpanan data yang merangkumi maklumat lengkap tanah berkaitan Permit Khas.

Proses Pembangunan Sistem SMILE:

1. Kajian Masalah

Pada tahun 2024, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pemerhatian audit bagi pengauditan terhadap pengurusan bekalan beras Negeri Selangor. Hasil pemerhatian tersebut mendapati sebanyak 44 tanah hak milik yang mengusahakan selain aktiviti pertanian antaranya *homestay* dan kedai makan. Manakala 7 tanah hak milik mengusahakan pertanian selain daripada syarat nyata padi iaitu tanaman kontan.

Di samping itu, bancian yang dilaksanakan oleh Unit Penguatkuasa pada tahun 2023 menunjukkan rekod perlanggaran syarat seperti berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH (HAK MILIK)
1.	Perniagaan kenderaan terpakai	7
2.	Menara Telekomunikasi	51
3.	Nurseri (Perniagaan tapak semaian)	8

Selanjutnya, maklumat yang diperolehi daripada Majlis Daerah Sabak Bernam merekodkan sebanyak 113 perniagaan *homestay* dijalankan di atas tanah pertanian.

Keadaan ini menyebabkan kerugian kepada hasil kerajaan negeri Selangor kerana hasil yang diperolehi daripada cukai tanah dan premium tidak selaras dengan aktiviti yang dijalankan di atas tanah.

2. REKA BENTUK

Bagi memperkukuh proses pengumpulan maklumat berkaitan tanah pertanian yang telah dimajukan untuk tujuan komersial di daerah sabak bernam ini, satu sistem bersepadu telah dibangunkan sebagai pusat rujukan data bancian yang dijalankan. Sistem yang dinamakan SMILE ini direka bentuk menggunakan platform mesra pengguna di website.com dengan memanfaatkan templat sedia ada bagi memastikan antara muka yang profesional dan mudah diakses. Sebagai penambahbaikan ciri keupayaan sistem, aplikasi Google Earth telah diintegrasikan sebagai medium visual interaktif untuk mengenal pasti serta menandakan lokasi tanah yang terlibat, selaras dengan matlamat penyampaian maklumat yang lebih tepat, efisien dan strategik.

Reka bentuk sistem juga menampilkan elemen visual interaktif seperti butang klik dan paparan maklumat lanjut, termasuk maklumat berkaitan permit khas dan

manual pengguna yang memudahkan pengguna untuk mendapatkan rujukan tambahan secara langsung tanpa perlu mencari di luar sistem. Ciri-ciri ini bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pengguna dan memastikan proses navigasi yang lebih mudah dan efisien.

Berdasarkan aspek keselamatan, sistem ini turut dilengkapi dengan ciri sekuriti log masuk dan log keluar bagi mengawal akses pengguna, di samping menetapkan tahap kebenaran akses yang khusus kepada pihak-pihak tertentu sahaja, bagi menjamin kerahsiaan dan integriti data yang disimpan.

3. UJI CUBA PROJEK

Proses uji cuba telah dilakukan semasa pembangunan sistem ini. Antara penemuan yang ditemui adalah seperti ;

BIL	PENEMUAN	TINDAKAN PENYELESAIAN
1.	Masa yang lama untuk mendapatkan domain website (smile.selangor.gov.my)	2 kali percubaan pendaftaran dilakukan kerana: i. Sistem perlu dimuatnaik ke domain sementara terlebih dahulu (website.com) sebelum mendapat kelulusan daripada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) , PTGS belum diperolehi bagi menggunakan <i>domain</i> selangor. ii. Setelah kelulusan daripada BTM diperolehi, sistem dapat digunakan dengan menggunakan domain selangor.

2.	Link <i>Google Earth</i> tidak berfungsi dalam sistem SMILE kerana alamat pautan tidak lengkap.	Melengkapkan alamat pautan bagi melayari sistem SMILE.
3.	Tiada kawalan akses data sistem SMILE kerana tidak wujud daftar pengguna.	Penambahan faktor keselamatan dalam sistem SMILE iaitu kebenaran daftar masuk dan daftar keluar menggunakan sistem. Sistem keselamatan ditingkatkan dengan menaiktaraf platform sedia ada.

4. PELAKSANAAN – KEBENARAN / PENGESAHAN DARIPADA KETUA JABATAN DIGUNA PAKAI – KEMASKINI

Pelaksanaan sistem SMILE ini memerlukan kebenaran dan pengesahan rasmi daripada Pegawai Daerah Sabak Bernam, Tuan Ali Sadikin Bin Saidin, bagi memastikan kesahihan serta ketepatan data yang dimasukkan ke dalam sistem. Pengesahan ini adalah langkah penting untuk menjamin integriti dan keabsahan maklumat yang digunakan dalam sistem, seterusnya memastikan keputusan yang dihasilkan adalah sah dan boleh dipercayai. Proses pengesahan ini akan melibatkan perolehan surat pengesahan rasmi daripada Pegawai Daerah, yang akan menjadi dokumen rujukan utama bagi menandakan bahawa data yang digunakan telah diluluskan dan disahkan. Selain itu, surat pengesahan ini juga akan menjadi asas bagi kelulusan pelaksanaan sistem dan akan mengukuhkan kredibiliti serta ketelusan operasi sistem SMILE.

5. PENYELENGGARAAN

a) SISTEM :

Sebelum kemaskini yang dilakukan, sistem ini menggunakan platform website.com, yang mempunyai sekuriti dan ciri-ciri yang terhad. Namun, untuk meningkatkan keselamatan dan kestabilan sistem, satu langkah penambahbaikan telah diambil dengan beralih kepada penggunaan domain Selangor. Langkah ini bukan sahaja memberikan kelebihan dari segi pengurusan yang lebih terpusat, tetapi juga memastikan perlindungan data yang lebih tinggi serta prestasi yang lebih baik dalam pengurusan sistem. Selain itu, sebelum peningkatan, sistem ini menghadapi masalah di mana pengguna tidak dapat melakukan log masuk. Selepas peningkatan kepada Business Basic Plan, masalah tersebut berjaya diselesaikan dan kini pengguna boleh log masuk dengan lebih lancar. Peningkatan ini juga turut disertakan dengan ciri-ciri sekuriti yang lebih kukuh, termasuk perlindungan daripada ancaman luar dan kawalan akses yang lebih ketat, bagi memastikan hanya pihak yang dibenarkan sahaja yang dapat mengakses sistem.

b) DATA :

Penyelenggaraan data dalam sistem ini turut diberi perhatian khusus, terutamanya dalam memastikan data pemetaan yang digunakan adalah tepat dan mudah diakses. Pemetaan ini merangkumi elemen visual interaktif yang membantu pengguna dalam proses pencarian maklumat dengan lebih mudah dan efisien. Sebagai contoh, status permohonan permit khas digambarkan dengan warna yang berbeza untuk memudahkan pemahaman: merah menunjukkan tiada rekod permohonan permit khas, kuning menandakan permohonan yang sedang diproses, dan hijau menandakan bahawa permit khas tersebut telah diluluskan. Penanda visual ini memudahkan pihak berkepentingan untuk memantau dan menjejaki perkembangan setiap permohonan dengan lebih

jelas, sekaligus meningkatkan kecekapan dalam pengurusan data dan proses keputusan.

Proses Sebelum dan Selepas


Sebelum pembangunan sistem SMILE, setiap data akan direkodkan secara manual sahaja. Siasatan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah (PPT) akan dilakukan untuk menyediakan laporan tanah bagi melihat pematuhan melalui aktiviti yang telah dijalankan oleh pemilik tanah

SEBELUM PEMBANGUNAN SISTEM SMILE	SELEPAS PEMBANGUNAN SISTEM SMILE
1. Menerima arahan dari PTGS untuk menyediakan inventori dan membuat hebahan berkenaan Pekeliling PTGS 4/2020 : Permit Khas kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di negeri Selangor melalui “brosur” yang disediakan. 2. Data inventori dikumpulkan/disenaraikan secara manual melalui Microsoft Word dan data tersebut hanya terhad terhadap maklumat berkenaan tanah tersebut sahaja. 3. Penyelenggaran data secara manual menyebabkan kekeliruan sekiranya maklumat dan gambar	1. Maklumat yang disimpan akan dipaparkan dalam bentuk visual dengan ciri yang lebih interaktif. 2. Setiap maklumat dapat diakses oleh setiap pengguna (Bahagian dalaman PDTSB dan Agensi-agensi luar) secara dalam talian. 3. Memudahkan pengurusan dan pemantauan permit khas secara sistematik. 4. Mengurangkan risiko penyalahgunaan tanah. 5. Memastikan ketelusan dan kecekapan dalam pemberian permit.


tidak dimasukkan secara serentak setelah bancian dilaksanakan.

4. Maklumat tersebut disediakan dalam bentuk "soft copy" dan "hard copy".
5. Data tersebut terhad diakses kepada pengguna tertentu sahaja.

GAMBAR SEBELUM PEMBANGUNAN SISTEM



Data direkodkan di dalam Microsoft Excel



GAMBAR SELEPAS PEMBANGUNAN SISTEM




Paparan masuk sistem SMILE




Paparan Utama sistem SMILE


Pemetaan lot tanah di dalam pelan tanah



Setiap maklumat berkenaan hakmilik tanah disediakan dalam satu helaian bersama gambar lokasi tanah



Salinan hakmilik tanah




Senarai perniagaan yang telah dikumpulkan



Contoh paparan bagi Kategori INAP DESA



Paparan lokasi dan maklumat perniagaan dan juga senarai data berkenaan yang telah dikumpulkan



Setiap dokumen akan dikumpulkan di dalam satu buku

Elemen Penurunan Kuasa

Merujuk Pekeliling PTGS 4/2020, Pentadbir Tanah Daerah diberi kuasa untuk meluluskan dan membatalkan permohonan permit khas atau menjalankan penguatkuasaan sekiranya tidak memenuhi kriteria dalam Pekeliling PTGS 4/2020 ini.

Pada masa ini, terdapat sebahagian besar penggunaan tanah pertanian oleh pemilik berdaftar tanah berkaitan tidak mematuhi syarat nyata sebagaimana kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Ketidakpatuhan penggunaan syarat nyata ini merupakan satu pelanggaran syarat nyata tanah di bawah seksyen 127 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). Kerajaan Negeri kehilangan cukai tanah yang sepatutnya dipungut berdasarkan kepada aktiviti di atas tanah tersebut.

Berdasarkan mesyuarat MMKN ke 31/2019 pada 23 Oktober 2019 telah meluluskan dasar baru bagi pelaksanaan Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain daripada tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di Negeri Selangor.

Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar

- **Elemen Inovatif/ Kreatif**

Fungsi utama SMILE adalah sebagai tempat pengumpulan segala data dan maklumat tanah pertanian yang telah dijadikan tapak perniagaan / industri ringan seperti bengkel kereta, homestay, nursery, restoran dan sebagainya. Setiap perniagaan ini akan dikenalpasti no hakmilik, lot tanah, kordinat tanah dan gambar fizikal aktiviti perniagaan untuk diplotkan menggunakan aplikasi "Google Earth".

Sistem SMILE ini juga akan mengkategorikan setiap maklumat tersebut mengikut status perniagaan yang telah dilakukan. Oleh yang demikian, pengguna dengan mudah dapat mencari setiap maklumat perniagaan yang telah dikenalpasti dibangunkan di atas tanah pertanian.

Selaras dengan arahan dari Pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk memberi Permit Khas kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain tujuan pertanian (Perniagaan / Industri ringan) di Negeri Selangor kepada setiap pengusaha perniagaan tersebut, Unit Pembangunan Tanah akan bertindak untuk mengeluarkan surat pemakluman secara pentadbiran kepada setiap pengusaha tersebut untuk membuat permohonan bagi permit tersebut.

Kegagalan pengusaha untuk membuat permohonan permit tersebut boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil. Kewujudan sistem SMILE ini, memudahkan tindakan pemantauan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan di bawah KTN 1965 diambil.

- **Elemen Keberkesanan**

Perekodan Data

Setiap rekod data sedia ada atau yang akan dikemaskini adalah dibawah pengawasan dan pemantauan Unit Pembangunan Tanah. Seramai 3 orang pegawai (bergantung kepada keperluan) dilantik sebagai Pentadbir sistem tugas pentadbir sistem untuk memverifikasikan data-data dapat dikumpulkan dalam satu tempat yang sama. Maklumat berkenaan lokasi tanah, jenis perniagaan yang dijalankan di atas tanah serta maklumat pemilik perniagaan.

Peningkatan Tahap Produktiviti

- Pembangunan sistem SMILE membantu capaian data pantas dan lebih efektif.
- Dapat mengurangkan masa dalam menyiapkan atau menyediakan maklumat dan data bagi setiap permohonan permit khas sementara.
- Menjimatkan penggunaan kertas (*paperless*) di pejabat.
- Meningkatkan hasil pendapatan Negeri Selangor melalui bayaran kutipan permit khas.

Peningkatan Tahap Kepuasan Hati Pelanggan

- Capaian secara simbiosis (kerjasama atau interaksi dua hala) secara maya.
- Indikator skala likert menunjukkan hasil tahap kepuasan hati pelanggan sehingga skala 4. Kajian ini telah dilakukan ke atas 5 agensi Kerajaan daerah yang berkepentingan iaitu MDSB, JKR, JPS, Jabatan Pertanian dan IADA. Secara kesimpulan, maklumbalas yang positif telah diterima terhadap pembangunan sistem ini menerusi borang soal selidik yang diedarkan dan semasa sesi taklimat dijalankan.

Elemen Signifikan

Sistem SMILE ini merevolusikan kaedah penyampaian maklumat kepada agensi berkaitan secara digital, interaktif dan sistematik. Ciri-ciri sistem SMILE adalah seperti berikut:

- **Sistem terbuka** - Agensi kerajaan kini dapat membuat carian maklumat berkenaan aktiviti selain tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) yang telah dijalankan diatas tanah pertanian secara terus tanpa perlu hadir ke pejabat bagi mendapatkan maklumat dengan hanya mengakses laman web sistem (<https://www.smile.selangor.gov.my>)
- **Perintis pendigitalan pemetaan** - Dengan adanya inovasi penyediaan pengkalan data seperti SMILE ini akan menjadi perintis kepada skop kerja yang lain untuk mendigitalkan maklumat-maklumat pengurusan tanah sebagai rekod pendua selain amalan kebiasaan melalui rekod secara manual. Sistem ini juga dilihat berpotensi untuk diketengahkan kepada daerah dan negeri lain.
- **Penjimatan kos** – Sistem SMILE dibangunkan secara *in-house* yang hanya menggunakan kos yang minimum seperti langganan *platform* website.com dan *google earth*.

PDTSB merupakan satu jabatan yang paling signifikan dalam menguruskan pentadbiran dan pembangunan tanah di Daerah Sabak Bernam. Adalah penting PDTSB diperkasakan bagi menggalas amanah dan tanggungjawab yang telah diletakkan bagi mewujudkan tadbir urus yang baik dalam urusan pentadbiran tanah Negeri Selangor secara keseluruhannya sejajar dengan perkembangan semasa.

Bagi mencapai matlamat tersebut, satu sistem SMILE seperti ini dirangka bagi membantu sistem perekodan Permit Khas Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Tujuan Pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di Negeri Selangor di bawah Pekeliling PTGS 4/2020. Sistem SMILE

dibangunkan untuk memberi dan menyediakan kemudahan sistem yang lebih dinamik, responsif, pantas dan mesra pengguna kepada warga PDTSB khususnya dan agensi luar dan berkaitan secara amnya.

Dengan adanya sistem ini, perkhidmatan ini dapat digunakan dengan lebih menyeluruh. Pengguna boleh mengakses perkhidmatan ini hanya dengan menggunakan internet melalui paparan *desktop* walau dari rumah sahaja tanpa perlu memuat turun sebarang aplikasi.

Selain itu, pembangunan sistem ini adalah selari dengan pelan strategik PDTSB merujuk kepada Teras Strategik 3 iaitu Teras ke 3 yang menyebut kepada Pembudayaan Inovasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat di dalam tugas harian. Pembangunan SMILE ini merupakan satu inisiatif PDTSB bagi menyokong dasar kerajaan yang menggalakkan pembangunan sistem pendigitalan dan menggunakan teknologi terkini.

Melalui kaedah ini, pengguna tidak perlu lagi hadir ke kaunter dan perkhidmatan boleh diperolehi secara dalam talian sepenuhnya dari mula sehingga akhir proses, boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana saja. Perubahan minda daripada amalan konvensional yang masih memerlukan rakyat berkunjung ke kaunter agensi kerajaan wajar diubah kepada kebiasaan baharu dengan memperkasakan penggunaan sistem secara dalam talian. Ini secara tidak langsung akan memudahkan urusan rakyat. Mereka bukan saja tidak perlu lagi berpusu-pusu ke agensi kerajaan dan beratur panjang serta mengambil masa lama untuk mendapatkan perkhidmatan, malah dapat mengelakkan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas seterusnya penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan cara yang lebih efisien, cekap dan pantas.

Elemen Relevan

Dalam masa ini, pendigitalan membantu memudahkan proses kerja sedia ada. Dengan kewujudan Sistem SMILE ini, beberapa perkara dapat dipertingkatkan seperti :

- Penggunaan Sistem SMILE secara bersepadu dan berterusan akan membantu melancarkan pemantauan penguatkuasaan semua agensi yang berkaitan.
- Meningkatkan hasil negeri dari segi kutipan cukai tanah dan premium.
- Pengumpulan data lebih sistematik dan tersusun yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak.

Pengiktirafan

Sesi pembentangan projek kreatif dan inovasi bagi projek SMILE bersama agensi teknikal telah diadakan pada 8 April 2025 bagi mendapatkan maklumbalas agensi. Antara agensi yang terlibat adalah MDSB, JKR, JPS, Jabatan Pertanian dan IADA. Sistem SMILE ini kelak akan digunapakai secara bersama antara agensi yang terlibat bagi membantu pemantauan dan pengemaskinian untuk tujuan penguatkuasaan dan permohonan permit khas. Melalui sesi tersebut, maklumbalas yang positif telah diperolehi iaitu sebanyak 92% telah bersetuju dengan keberkesanan pelaksanaan projek ini.

Gambar-Gambar Berkaitan

Perbincangan kumpulan dalam proses pembangunan sistem SMILE



Implikasi Kewangan

Kos yang digunakan bagi membangunkan sistem ini amat minima, berikut adalah perincian kos yang terlibat dalam pembangunan sistem SMILE ini

BIL	PERKARA	AMAUN (RM)
1	Sistem keselamatan untuk setahun (website.com)	510.20
2	Pembangunan sistem (Google Earth dan Website.com)	FOC
	JUMLAH	510.20

Berdasarkan rekod di Jabatan ini, berberapa sistem telah dibangunkan untuk digunakan oleh warga PDTSB, antaranya adalah ;

BIL	NAMA SISTEM	TAHUN DIBANGUNKAN	KOS PEMBANGUNAN SISTEM	CATATAN
1	Sistem e-Warta	2022	RM 11,000.00	Sistem ini telah dibangunkan oleh pembekal luar.
2	Sistem SMILE	2025	RM 510.20	Pembangunan ini menggunakan aplikasi percuma dan kos yang diperlukan adalah sebagai faktor keselamatan sistem.

Pembangunan sistem dengan kos yang rendah dapat membantu menjimatkan peruntukan untuk pembangunan sistem SMILE ini.

BAHAGIAN 3: PENUTUP

Sistem SMILE merupakan satu lagi projek perintis dalam Bahagian Pengurusan Tanah yang dilaksanakan oleh PDTSB. Ia juga merupakan antara inisiatif strategik yang melibatkan agensi luar dengan tujuan untuk memberi peluang kepada para pegawai, kakitangan dan pengguna bersama-sama meneroka serta mempelajari teknologi baru di samping dapat merealisasikan dasar dan menyahut seruan kerajaan.

Sistem SMILE ini adalah satu inovasi dimensi baharu dalam penyampaian maklumat pengurusan tanah yang melibatkan agensi awam, badan bukan kerajaan dan orang awam bagi menyalurkan dan meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada. Memperkasakan masyarakat melalui teknologi dan digital adalah perjalanan berterusan pihak kerajaan ke arah mewujudkan masyarakat lebih inklusif dan saksama. Fokus diberikan kepada pendigitalan penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan memanfaatkan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menjurus kepada perkhidmatan dalam talian.

Disediakan oleh:

Nama Kumpulan : IQ TOCHI

Nama Ahli : Lailatul Taufiqiah binti Abdul Rahman
Farah Aini binti Hosni Hussien
Siti Sabariah binti Ahmad
Nor Azizah binti Sadari
Zulkeffly bin Mokhtar
Mohd Hishamuddin bin Haji Jaafar
Umi Rahmatus Solehah binti Selamat
Mohd Azezul bin Abd Halim
Mohamad Azli bin Embran
Ishak bin Mat Hazir
Nur Jesmin binti Kamrul Nizam

Telefon : 03-32241963/ 1964/ 1967

E-mel : iqtochipdtsb25@gmail.com

